

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU (KERTAS 3)

1103/3

UJIAN BERTUTUR

TAKSIRAN INDIVIDU

**NASKHAH
CALON**

Isi Kandungan Taksiran Individu

Taksiran Kumpulan 1: Tema Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Taksiran Kumpulan 2: Tema Keselamatan

Taksiran Kumpulan 3: Tema Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Taksiran Kumpulan 4: Tema Alam Sekitar

Taksiran Kumpulan 5: Tema Perindustrian

Taksiran Kumpulan 6: Tema Bahasa dan Kesusasteraan

Taksiran Kumpulan 7: Tema Integriti

Taksiran Kumpulan 8: Tema Sejarah dan Warisan

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

USAHA MEMAJUKAN USAHAWAN WANITA



Program Kepimpinan dan Keusahawanan Wanita 2022 telah berupaya memperlihatkan sisi kental usahawan wanita dalam mendepani pelbagai cabaran. Penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan banyak didorong oleh faktor motivasi yang tinggi untuk mengubah nasib diri dan keluarga. Komitmen yang dipamerkan oleh usahawan wanita dalam aktiviti keusahawanan sangat memberangsangkan kerana mereka telah mengambil segala peluang dalam arena ekonomi setempat berdasarkan keupayaan yang ada. Di samping itu, usahawan wanita turut menampilkan elemen kepimpinan yang strategik untuk merealisasikan cita-cita bagi merintis kejayaan perniagaan yang diusahakan. Usahawan wanita mempunyai kebolehan dalam mengendalikan perusahaan secara dinamik. Selain itu, mereka juga bijak dalam memanfaatkan perkongsian dengan rakan sealaran perniagaan. Secara tidak langsung, hal ini telah mengukuhkan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan wanita.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 21 Mac 2023

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA KESELAMATAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis



Keracunan makanan merupakan penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan atau minuman yang tercemar oleh toksin yang terhasil daripada bakteria, virus, atau parasit. Kes keracunan makanan ini tidak boleh dipandang remeh kerana ianya boleh menyebabkan pelbagai komplikasi kesihatan dan seterusnya mengancam nyawa. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius mengenai kes keracunan makanan dan telah berkongsi infografik supaya masyarakat dapat mengamalkan lima kunci keselamatan makanan seterusnya mengelakkan daripada menghadapi keracunan makanan. Tip yang dikongsikan KKM ini sangat berguna bagi memastikan makanan yang disediakan adalah bersih dan selamat untuk dimakan. Masyarakat diingatkan agar mengamalkan konsep Lihat, Hidu dan Rasa. Kita juga hendaklah mengelakkan makan makanan yang telah rosak.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
"Lima Kunci Keselamatan Makanan"
Majlis Keselamatan Negara, 6 April 2022.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEMANGAT PERPADUAN



Menurut Kamus Dewan Perdana, perpaduan merupakan penyatuan dan darjah, serta jenis penyatuan yang dipamerkan oleh sesebuah masyarakat, ataupun kumpulan dan jiran. Tanpa perpaduan, amat mustahil kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat boleh dicapai. Kepentingan perpaduan dalam membentuk sesebuah negara yang maju mampu meningkatkan ekonomi di sesebuah negara. Dengan wujudnya masyarakat yang aman dan harmoni, negara dapat menarik pelabur asing untuk melabur dan menjalankan aktiviti perdagangan. Kemasukan pelabur asing mempengaruhi kadar pertukaran wang yang membantu kepesatan ekonomi sesebuah negara. Sejak belakangan ini, Malaysia mengalami ketegangan politik yang menyebabkan pelabur asing menarik pelaburan mereka semula di Malaysia kerana bimbang berlakunya sesuatu di luar jangkaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Masyarakat 3 Februari 2023

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA ALAM SEKITAR

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KITAR SEMULA



Setiap hari kita menghasilkan sampah sarap seperti plastik, aluminium, kertas, getah, sisa makanan, dan sebagainya. Pembuangan sampah terlalu banyak sehingga tapak pelupusan sampah tidak dapat menampung sampah yang dibuang. Kitar semula ialah proses mengubah bahan buangan menjadi bahan baru yang boleh digunakan semula. Bahan-bahan yang boleh dikitar semula termasuklah kertas, surat khabar, kotak, kad bodi, plastik, botol minuman, kaca dan sebagainya. Amalan ini penting untuk mengurangkan pencemaran, menjimatkan sumber, dan mengurangkan beban tapak pelupusan sampah. Ia juga boleh menjana pendapatan tambahan dan mengurangkan kesan rumah hijau. Oleh itu, amalan kitar semula perlu dilakukan bagi bahan yang boleh dikitar semula. Sebagai individu yang prihatin akan alam sekitar, amalan ini perlu dibudayakan sejak kecil kerana mendatangkan pelbagai manfaat.

Dipetik dan diubahsuai daripada
<https://mdm.terengganu.gov.my/index.php/ms/rakyat/agenda-tempatan-21/kempen-kitar-semula>

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA PERINDUSTRIAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INDUSTRI NANAS



Nanas antara buah tempatan yang sangat popular di negara ini. Nanas boleh didapati sepanjang tahun kerana tempoh pengeluaran hasil yang agak singkat iaitu 13 hingga 15 bulan bergantung kepada varieti. Nanas dikelaskan dalam kumpulan buah-buahan utama oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memandangkan potensinya yang besar dalam menjana pendapatan kepada petani dan negara. Buah nanas yang telah masak boleh dimakan segar, dijadikan salad atau dimasak. Antara masakan tradisional yang menggunakan nanas sebagai ramuan utama ialah pajeri nanas dan masak lemak nanas. Di negeri Johor, buah nanas diproses secara komersial untuk dijadikan produk nanas dalam tin dan jus nanas. Selain itu, nanas juga boleh diproses menjadi produk lain yang mempunyai nilai tambah seperti jem dan halwa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Economic and Technology Management Review, Vol. 4(2009): 11– 24

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Minat membaca karya sastra seharusnya ditanam sejak kecil melalui pendedahan oleh ibu bapa di rumah. Terdapat beberapa kaedah untuk mendekatkan diri anak-anak dengan tabiat membaca seperti membiasakan anak membaca buku cerita dan membawa mereka berkunjung ke kedai buku. Pada masa ini, banyak karya sastra boleh diakses oleh pembaca dengan mudah kerana banyak kedai menjual karya sastra dibuka seiring dengan perkembangan naskhah popular dan judul am yang lain. Kepelbagaian bahan bacaan ini memudahkan pembaca dan masyarakat umumnya untuk memilih bahan bacaan yang dikehendaki. Selain itu, jika tidak mahu membeli, mereka juga boleh meminjam bahan bacaan dari perpustakaan. Semua ini membantu dalam meningkatkan minat membaca dalam kalangan masyarakat kerana tak kenal maka tak cinta.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 15 Julai 2022

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA INTEGRITI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PEMBUDAYAAN NILAI INTEGRITI



Antara perkara yang boleh dilakukan adalah membudayakan amalan integriti pada setiap masa seperti menerapkan pembudayaan nilai integriti dalam diri, keluarga, masyarakat dan organisasi. “Mengapakah nilai integriti penting untuk dibudayakan? Adakah semata-mata untuk memperbaiki Indeks Persepsi Rasuah negara kita? Jawapannya sudah pasti tidak!” Hal ini dikatakan demikian kerana integriti sememangnya diperlukan dalam kehidupan kita. Kehidupan seseorang tanpa integriti akan menyebabkan individu tersebut hilang keimanan dan jati diri sebagai rakyat yang bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan pembudayaan integriti sangat penting dalam peribadi seseorang individu dan organisasi kerana bukan sahaja untuk memelihara maruah dan harga diri seseorang malah dapat meningkatkan produktiviti organisasi dan mengangkat martabat sesebuah negara. Jika dilihat kepada data sedia ada, sememangnya terdapat kaitan yang signifikan antara sikap berintegriti dengan prestasi produktiviti.

Dipetik dan diubah suai daripada,
“Pembudayaan Integriti dalam Organisasi”, Nurul Ain Mat Yusof,
Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 22 November 2021

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA SEJARAH DAN WARISAN

Baca dan fahami bahan ransangan ini di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERMAINAN TRADISIONAL



Permainan tradisional di Malaysia merupakan warisan budaya yang sangat bernilai dan perlu dipelihara. Antara permainan yang popular termasuklah congkak, gasing, wau, dan sepak raga. Permainan ini bukan sahaja menghiburkan, malah membentuk nilai murni seperti kerjasama, kesabaran dan strategi. Dahulu, permainan ini menjadi aktiviti harian remaja di kampung, namun kini semakin dilupakan oleh remaja akibat pengaruh teknologi moden. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk memperkenalkan semula permainan tradisional melalui aktiviti kokurikulum di sekolah dan penganjuran pertandingan peringkat daerah atau kebangsaan. Warisan ini bukan sekadar permainan, malah lambang identiti bangsa yang harus dihargai oleh generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
"28 Jenis Permainan Tradisional diisytihar Warisan Kebangsaan"
Berita RTM 16 September 2023.